

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld.2 (10)

7 November 2022  
12 Rabiul Akhir 1444H

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 43/2022

### PELEKAT KENDERAAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 6/2017 telah bersetuju meluluskan perubahan percetakan dan harga pelekat kenderaan Universiti Teknologi Malaysia yang baharu dengan menggantikan spesifikasi percetakan dan harga pelekat kenderaan lama.

2. Antara perubahan pelekat kenderaan UTM yang telah diluluskan adalah seperti berikut:

Bil.	Kategori	Warna	Harga (RM)	Tempoh Sah Laku
1.	Pelajar	Merah	5.00	1 tahun
2.	Staf	Biru	10.00	2 tahun
3.	Kontraktor	Oren	10.00	1 tahun
4.	Pesara	Biru	Percuma	Seumur hidup *terhad kepada satu (1) kenderaan sahaja

3. Di samping perubahan tersebut, antara syarat dan terma penggunaan pelekat kenderaan UTM sedia ada adalah seperti ketetapan berikut:

- i. Semua kenderaan staf, pelajar dan kontraktor yang berada dan berurusan di dalam kampus adalah **DIWAJIBKAN** mempunyai pelekat kenderaan yang sah mengikut tahun semasa;
- ii. Pelekat kenderaan hendaklah sentiasa dipamerkan di cermin kiri hadapan kereta. Manakala, untuk motosikal perlu ditampal di tempat yang mudah dilihat.
- iii. Pelekat kenderaan tidak boleh dipindah milik atau bertukar kenderaan;

- iv. Pelajar Tahun 1 *Undergraduate* dan Pelajar Asasi UTMSpace adalah tidak dibenarkan untuk memohon pelekat kenderaan dan juga tidak dibenarkan untuk membawa kenderaan ke dalam kampus;
- v. Kegagalan mempamerkan pelekat kenderaan yang sah akan mengganggu kelancaran urusan keluar/ masuk ke dalam kampus; dan
- vi. Penguatkuasaan pelekat kenderaan akan dilaksanakan dari masa ke semasa dan sekiranya pemilik kenderaan gagal mempamerkan pelekat kenderaan yang sah, kompaun tidak melebihi RM50.00 akan dikenakan bagi setiap kesalahan.

4. Sehubungan dengan itu, semua warga adalah diminta untuk mengambil maklum dan mematuhi Pekeliling Pentadbiran Bil. 43/2022 berkenaan Pelekat Kenderaan UTM yang berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan. Dengan ini, Pekeliling Pentadbiran Bil. 17/1982 adalah terbatal.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)**

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pengarah Pusat Penyelidikan - Kampus Pagoh
  - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah